

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Endix Cream
2. Bagaimana Endix Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Endix Cream
4. Cara menggunakan Endix Cream
5. Semasa menggunakan Endix Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Endix Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Endix Cream

Endix Cream digunakan untuk rawatan jangkitan kulat pada kulit, dan juga keadaan seperti ekzema dan keradangan kulit.

Bagaimana Endix Cream berfungsi

Endix Cream mengandungi econazole nitrate dan triamcinolone acetonide.

Econazole nitrate berfungsi membunuh kulat. Triamcinolone acetonide adalah sejenis kortikosteroid yang mengurangkan keradangan, gatal-gatal dan alahan seperti kemerahan dan bengkak.

Sebelum menggunakan Endix Cream

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan gunakan Endix Cream, jika/untuk :
- anda mempunyai alahan terhadap econazole nitrate, triamcinolone acetonide atau mana-mana kandungan Endix Cream (disenarai di Maklumat lanjut);
 - jangkitan bakteria (seperti tuberkulosis, sifilis)
 - jangkitan virus pada kulit (seperti cacar air atau chickenpox; herpes simplex; herpes zoster atau cacar api, cacar ular, kayap ular).
 - keradangan kulit di sekitar mulut, muka, mata dan telinga.
 - ulser kulit, melecur atau chilblains (keradangan saluran darah kecil dalam kulit akibat pendedahan berulang kali kepada cuaca sejuk)

- jangkitan kuman pada/dalam telinga
- tanda awal keradangan kulit

- Sebelum menggunakan Endix Cream

Sila bincang dengan doctor atau ahli farmasi sebelum digunakan pada bayi dan kanak-kanak.

Mengandung dan menyusukan anak

- Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.
- Jangan gunakan dalam tempoh 3 bulan pertama kehamilan
- Ubat ini mungkin dirembeskan ke dalam susu ibu, gunakan dengan berhati-hati semasa menyusui.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Endix Cream

- Berapa banyak harus digunakan

- Sapukan sedikit pada bahagian kulit yang terjangkit.
- Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

- Sapukan sekali atau dua kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doctor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

- Gunakan Endix Cream untuk tempoh yang ditetapkan oleh doktor anda.
- Gunakan ubat ini hanya untuk keadaan yang ditetapkan. Jangan menggunakannya untuk tempoh yang lebih lama daripada yang ditetapkan.

- Beritahu doktor anda jika keadaan anda tidak bertambah baik.
- Jangan gunakan lebih daripada 7 hari.

- Jika terlupa menggunakan

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa termakan secara tidak sengaja atau menggunakan dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Endix Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

- Jika kerengsaan berlaku, hentikan penggunaannya dan maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda.
- Guna ubat anda mengikut arahan doktor .
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Endix Cream.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.
- Gunakan Endix Cream hanya dengan preskripsi doktor.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Jangan memberi Endix Cream kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.
- Jangan balut kawasan kulit yang dirawat melainkan diarahkan berbuat demikian oleh doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Endix Cream adalah untuk kegunaan luaran sahaja.
- Elakkan dari terkena mata.
- Rujuk doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan pada permukaan yang luas atau di bawah pembalut oklusif termasuk napkin pada bayi dan kanak-kanak.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi jika keadaan anda tidak bertambah baik.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Endix Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Kesan sampingan berikut mungkin berlaku:

Kulit

- Jangkitan bakteria dan virus pada kulit.
- Keradangan kulit, kerengsaan, dan tindak balas kulit seperti ruam, geligata, tindak balas alahan dan pigmentasi.

Penggunaan untuk tempoh masa yang lama boleh menyebabkan:

- Penipisan kulit serta senang lebam.
- Peningkatan pertumbuhan rambut yang luar biasa.
- Garisan ungu kemerahan pada kulit.

Hormon

Penggunaan berlanjutan atau teknik pembalut oklusif boleh menyebabkan gangguan hormon.

Mata

Penggunaan berpanjangan pada kulit kelopak mata boleh menyebabkan glaucoma (peningkatan tekanan di dalam mata) dan katarak (kanta mata menjadi kabur)

Kesan sampingan lain:

- bengkak
- kencing manis
- osteoporosis (tulang lemah dan rapuh)
- kelewatan pertumbuhan pada kanak-kanak

Jika berlaku sebarang kesan sampingan serius atau tidak tertera dalam risalah ini, sila hubungi doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Endix Cream

- Penyimpanan

- Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.
- Simpan di bawah suhu 30°C.
- Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput atau jika penutup muncung tiub telah rosak atau tiub telah bocor.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Endix Cream adalah krim berwarna putih. Terdapat dalam tiub 10g yang dibungkus secara individu di dalam kotak kadbod.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Econazole Nitrate 10mg
Triamcinolone Acetonide 1mg

- Bahan tidak aktif
Citric acid; Propyl Paraben; Polysorbate 60; Sorbitan monostearate 60(Span 60); Stearyl alcohol; Liquid Paraffin; Propylene Glycol; Purified Water; Methyl Paraben; Cetanol.

- Nombor MAL

MAL08082701AZ

Pengilang

Dongkwang Pharm. Co., Ltd.
115, Sandan-ro, Pyeongtaek-si,
Gyeonggi-do, South Korea.

Pemegang Pendaftaran Produk

Propharm (M) Sdn Bhd
No.8, Jalan Udang Harimau 2,
Medan Niaga Kepong,
51200, Kuala Lumpur.

Tarikh kemaskini RiMUP

14/2/2023

Nombor siri:

NPRA(R4/1)301122/00111